

Teknologi, modal bantu petani muda

Mampu tarik golongan muda untuk terlibat dalam sektor pertanian negara

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Penggunaan teknologi moden mampu menarik golongan muda terlibat dalam sektor pertanian di negara ini.

Pakar ekonomi dari Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Ahmed

Razman Abdul Latif berkata, Belanda merupakan model sebuah negara kecil tetapi mampu jadi penyumbang hasil pertanian dunia.

"Mereka telah mengaplikasikan teknologi canggih yang membolehkan hasil pertanian di optimumkan walaupun di ruang sempit. Teknologi boleh meningkatkan pulangan sektor pertanian.

"Namun, dari segi pembiayaan, infrastruktur dan pemilikan tanah, ia tetap menjadi cabaran besar bagi anak muda kerana mereka tidak mempunyai harta atau simpanan mencukupi untuk bermula.

"Oleh itu, inisiatif kewangan daripada kerajaan harus dipergiatkan termasuk menyediakan peluang kepada belia untuk memulakan projek melalui sewaan atau pinjaman dengan harapan mereka akhirnya dapat memiliki aset sendiri dalam industri pertanian," katanya.

Sinar Harian pada Isnin melaporan, hampir separuh daripada petani yang direkodkan di negara ini terdiri daripada golongan yang sudah berusia 60 tahun ke atas, menerusi hasil laporan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).



AHMED RAZMAN

Keadaan tersebut dibimbangi memberi kesan langsung terhadap produktiviti dan keupayaan negara untuk meningkatkan pengeluaran domestik.

Dalam pada itu, Ahmed Razman mencadangkan, kisah kejayaan petani muda diketengahkan dalam kalangan masyarakat bagi memberi motivasi kepada generasi baharu.

Jelas beliau, ini kerana sebilangan golongan muda mempunyai persepsi negatif dan ketidakfahaman terhadap potensi sebenar sektor pertanian menyebabkan kurang berminat untuk terlibat dalam bidang tersebut.

Menurut beliau, golongan itu lebih tertarik kepada bidang yang memberi pulangan segera seperti industri makanan dan minuman (F&B) dan media sosial.

"Trend sekarang memang mahukan pulangan segera. Kalau tengok pertanian, ia memerlukan masa untuk menternak, menanam dan sebagainya.

"Itu punca utama salah faham. Hakikatnya, kalau diusahakan dengan betul sektor pertanian boleh beri pulangan lebih tinggi. Namun, perkara itu tidak dilihat oleh anak muda pada masa kini," katanya.



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.